

Tan Sri Abdul Shukor Husin

**S:** Ada salah faham mengenai fatwa pengharaman vape kerana sebelum ini ada laporan mengatakan Majlis Fatwa Kebangsaan mengharamkan vape tetapi difahamkan isu vape belum dibincangkan pada muzakarah fatwa. Boleh Tan Sri jelaskan keadaan ini?

**J:** Ingin saya tegaskan isu vape dari sudut fatwa belum ada lagi sebarang muzakarah dibuat dan muzakarah terakhir baru-baru ini tidak membincangkan perkara itu kerana kajian kita mengenainya belum selesai. Ada dua versi dalam laporan media ketika saya ditanya mengenai isu itu di Perak (baru-baru ini). Satu versi, saya mengatakan haram dan versi kedua, belum ada apa-apa kajian. Saya beritahu, jika boleh dikiaskan vape dengan kesan sama yang ada pada rokok dan shisha, tidak ada halangan untuk mengharamkan. Berdasarkan kajian kita, rokok dan shisha diharamkan kerana ia memudaratkan dari segi kesihatan, memberi kesan kepada orang sekeliling serta alam sekitar selain ada unsur pembaziran. Oleh itu, jika kajian yang kita lakukan terhadap vape nanti, wujud faktor yang sama, hukumnya juga sama. Bagaimanapun, Majlis Fatwa Kebangsaan belum membuat keputusan dan belum berbincang. Kajian sudah kita buat tetapi ia mengambil masa kerana seperti rokok, kita perlu dapatkan pandangan pakar serta pihak yang ada bidang kuasa.

Jika berbahaya untuk kesihatan, apa bahayanya dan kita perlu menunggu laporannya. Kita juga hendak kaji dari sudut syariah, wujudkah unsur pembaziran atau kesan buruk jangka pendek dan panjang kerana kita bukan melihat kesan semasa sahaja. Pakar Kementerian Kesihatan ada memaklumkan kesan jangka pendek tidak nampak tetapi ada kesan jangka panjang pada masa depan. Kita melihat kesan sekarang dan masa depan. Antara maqasid syariah ialah menjaga harta, nyawa termasuk kesihatan fizikal dan rohani. Wajib kita jaga satu daripada lima maqasid syariah. Jika berlaku perkara mendatangkan mudarat, kita perlu cegah. Tidak timbul saya menghalal atau mengharamkan kerana jika baca keseluruhan laporan, saya mengatakan jika kajian kita nanti ada persamaan mudarat seperti rokok dan shisha, jadi hukumnya haram. Jelas, Majlis Fatwa Kebangsaan belum buat keputusan, belum muzakarah jadi belum ada lagi fatwa.

**S:** Apabila fatwa dikeluarkan, kita sering mendapat maklum balas berbeza, ada yang menyokong tidak kurang yang membantah. Boleh Tan Sri jelaskan bagaimana hukum atau fatwa ditetapkan supaya masyarakat memahami proses penetapan hukum itu?

**J:** Isu ini biasa berlaku. Majlis Fatwa Kebangsaan ada pandangan mengenai sesuatu hukum tetapi Majlis Fatwa Kebangsaan tidak boleh membuat fatwa yang mengikat kerana itu hak negeri. Setiap keputusan yang disepakati, kita maklumkan kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang dipengerusikan Perdana Menteri. Apabila dipersetujui, MKI akan

# Haramkan vape jika beri kesan buruk, wujud pembaziran

## Majlis Fatwa Kebangsaan mesti buat kajian menyeluruh sebelum keluar hukum

Isu penggunaan vape masih terus hangat menjadi perbualan orang ramai. Ada yang minta penjualannya diharamkan kerana kesan terhadap kesihatan untuk jangka panjang, ada yang berpendapat tidak perlu diharamkan kerana ia tidak mendatangkan mudarat. Majlis Fatwa Kebangsaan masih belum membuat keputusan mengenainya. Wartawan BH Ahad AZRAN JAFFAR dan HASLIZA HASSAN mendapatkan penjelasan lanjut Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Tan Sri Abdul Shukor Husin dan Pakar Kesihatan Awam yang banyak terabit dengan program berhenti merokok yang juga bekas Pengarah Kesihatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Dr Sallehuddin Abu Bakar.

**“Seperti vape, jika kajian mengatakan ia merosakkan paru-paru, majlis fatwa akan panggil pihak yang buat kajian untuk beri penjelasan. Jika pakar ekonomi kata ada unsur pembaziran, kita akan minta ditunjukkan buktinya. Kita juga akan ambil pandangan syarak, jika ada dalil atau jika tidak kita akan gunakan kias”**

**Abdul Shukor Husin,**  
Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan

mengangkat maklumat itu kepada Majlis Raja-Raja untuk makluman sebelum pandangan itu dihantar ke negeri. Setiap negeri ada majlis fatwa sendiri dipengerusikan mufti untuk bersidang serta membuat keputusan. Tidak susah untuk menimbangkan pandangan itu kerana mufti adalah ahli Majlis Fatwa Kebangsaan bersama lapan ahli majlis yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja terdiri daripada pakar undang-undang, ahli ekonomi, kewangan Islam, saintis serta pakar farmasi. Namun, terpulang kepada negeri.

Jika negeri berpandangan ia ada kaitan dengan negeri, maka keputusan itu dibawa kepada Majlis Agama Islam Negeri dan setelah mendapat perkenan Tuanku Sultan baru boleh diwartakan sebagai fatwa. Jika rasa tiada kepentingan, negeri boleh ambil keputusan untuk tidakewartakan hukum itu sebagai fatwa negeri. Berbeza pandangan adalah perkara biasa. Pada peringkat Persekutuan, fatwa sudah ditetapkan dan terpulang kepada negeri untuk menjadikan ia fatwa negeri atau tidak. Ada juga isu nasional yang diminta secara terus oleh Majlis Raja-Raja dan majlis fatwa akan bersidang. Bagi isu nasional, negeri hanya mengesahkan dan tidak boleh membuat perubahan. Negeri akan bersetuju dan diwartakan. Namun, jika isu itu tiada kaitan dengan negeri, maka negeri boleh untuk tidakewartakannya.

**S:** Kembali kepada isu vape, banyak sudah kajian dilakukan dan Kementerian Kesihatan juga sudah mengeluarkan kenyataan yang mahu vape diharamkan, berdasarkan kepentingan kesihatan. Bagaimana Tan Sri melihat perkembangan ini?

**J:** Bagi Majlis Fatwa Kebangsaan, kita tidak memihak kepada mana-mana kerana kita menghormati pandangan yang ada. Kabinet kata boleh, manakala Kementerian Kesihatan ingin mengharamkan. Kita tidak terikat dengan pandangan itu kerana majlis fatwa ada jawatankuasa pe-

nyelidikan terdiri daripada pakar dalam pelbagai bidang. Apabila timbul satu isu, kita minta pandangan adakah isu itu menyentuh masyarakat atau tidak. Jika ada isu yang boleh dijawab secara spontan, kita beri jawapan segera kerana kita ada Felo Fatwa di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Untuk isu baharu, jika perlu buat penyelidikan, kita minta bantuan pakar luar seperti universiti atau badan penyelidikan berkaitan. Jika memerlukan kajian makmal, kita buat kajian di makmal. Berbalik isu vape, kita akan minta pihak yang ada autoriti. Penyelidikan pun bukan buat di satu makmal sahaja, sekurang-kurangnya tiga makmal; kerajaan, swasta dan universiti. Contohnya, kajian dakwat untuk pilihan raya sama ada telap atau tidak dilakukan di makmal kerajaan selain dilakukan pakar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Kita temukan hasil kajian itu dan mendapati keputusannya sama, dakwat itu telap. Selepas penyelidikan dibuat, kita nilai andai ada yang tidak mencukupi, kita minta mereka buat lagi kajian diperlakukan. Selepas itu dibincangkan da-

lam jawatankuasa penyelidikan majlis fatwa. Seperti vape, jika kajian mengatakan ia merosakkan paru-paru, majlis fatwa akan panggil pihak yang buat kajian untuk beri penjelasan. Jika pakar ekonomi kata ada unsur pembaziran, kita akan minta ditunjukkan buktinya. Kita juga akan ambil pandangan syarak, jika ada dalil atau jika tidak kita akan gunakan kias. Hasil daripada itu baharu kita timbang sama ada boleh, harus atau haram. Selepas itu prosesnya macam biasa dan kita akan umumkan pandangan kita. Bagaimanapun, sehingga sekarang belum ada keputusan mengenai vape.

**S:** Bila agaknya Majlis Fatwa Kebangsaan akan bersidang untuk menentukan hukum vape ini?

**J:** Kita tidak mahu tangani isu ketika keadaan sedang kecoh kerana tidak mahu kajian dipengaruhi keadaan sekarang dengan semua pihak ingin memberi pandangan masing-masing. Kita tidak mahu keputusan kita itu tidak ada keadilan. Apabila siap kita akan beritahu, tetapi kita tidak tunggu sudah jadi masalah baharu hendak diselesaikan. Isu lain contohnya Cukai Barang dan Perkhidmatan



Menghisap vape secara berlebihan dikhuatiri menimbulkan pelbagai kesan kesihatan untuk jangka masa panjang. [GAMBAR HIASAN]



(GST), keputusan sudah dibuat pada Oktober 2014 ketika bersidang di Terengganu walaupun pelaksanaannya pada April tahun ini. Memang ada ulama memfatwakan haram tetapi kita putuskan GST harus dengan memberi tujuh alasan. Bagi isu vape, pada peringkat majlis fatwa belum ada perbincangan kerana kita hendak lihat tiga aspek iaitu kesihatan, alam sekitar, wujud unsur pembaziran serta dari segi budaya, baik atau tidak kepada umat Islam. Majlis fatwa tidak terikat dengan pandangan pihak lain dan keputusan berdasarkan syariah. Keputusan ini hanya untuk orang Islam.

**S: Apabila isu ini hangat diperkatakan, kita melihat masyarakat khususnya mereka yang menghisap atau menjual vape marah dengan tindakan itu?**

**J:** Diharap masyarakat jangan terlalu esktrim, sebaliknya dengar pandangan dari semua pihak. Majlis Fatwa Kebangsaan pun membuat keputusan kerana perkara itu ada kaitan dengan kemaslahatan umum. Saya tertarik dengan kenyataan Kementerian Kesihatan bahawa ada kemungkinan besar penghisap vape mendapat penyakit, cuma lambat atau cepat. Ada satu kaedah dalam syarak iaitu menutup perkara tidak baik, walaupun tidak ada sekarang tetapi jika dibiarkan akan menyebabkan berlaku perkara tidak baik. Jadi kena hentikan sekarang. Dari segi budaya pula, adakah menghisap vape budaya baik atau tidak. Kita tidak mahu seperti rokok, selepas semua orang merokok baharu kita hendak katakan haram.

**S: Selepas ini akan ada isu lain atau masalah baharu yang memerlukan ketetapan hukum. Adakah semuanya perlu kepada fatwa?**

**J:** Saya tidak setuju Islam itu dilihat hanya menghukum kerana ayat hukum pun sedikit berbanding ayat mendidik. Nabi Muhammad SAW pun mengambil masa 23 tahun untuk mendidik. Jadi pendidikan penting untuk mendedahkan masyarakat kepada sesuatu perkara dari segi kebaikan serta keburukannya.

**“Kawal bermaksud yang menjual harus mendapat lesen, pastikan apa dijual mengikut standard, kualiti dijaga. Selain itu kandungan cecairnya (bahan utama nikotin) dikawal dan ia hendaklah dipreskripsi. Jika dibuat ikut peraturan, saya yakin ia jadi alternatif membantu penagih rokok”**

**Dr Sallehuddin Abu Bakar,**  
Pakar Kesihatan Awam

## Kawal rokok elektronik sebelum jadi budaya

**Dr Sallehuddin Abu Bakar**


**S: Bercakap soal rokok elektronik atau vape, pengguna alat ini mengatakan ia adalah alat untuk mereka berhenti merokok. Sejauh mana pandangan ini benar?**

**J:** Pada tahun 2004, seorang ahli farmasi China, Hon Lik mencipta gajet dikenali sebagai *e-cigarette* bagi mengurangkan ketagihan bapanya terhadap rokok. Beliau kemudian menubuhkan syarikat dan mendapati ada penerimaan yang kemudian mengeksportnya. China yang memulakan industri ini. Kemudian apabila Barat mula menerima alat ini, banyak syarikat ditubuhkan. Kini alat ini berkonsep *harm reduction* (pengurangan mudarat). Lazimnya kita mengetahui ketagihan rokok amat berat dan setakat ini kejayaan orang yang berhenti merokok sama ada secara sendiri atau melalui rawatan perubatan dengan kaunseling hanya sekitar 25 peratus. Konsep *harm reduction*, iaitu lantaklah mereka hendak ketagih nikotin tetapi jangan sampai ada bahan membahayakan kesihatan seperti dalam asap rokok kerana ada tar, bahan kompleks yang ada macam-macam di dalamnya.

Penagih rokok, selagi tidak nampak asap, tidak sedut asap, dia tak puas. Sebelum ini ada *nicotine inhaler*, iaitu tak ada asap, tetapi kadar kejayaan berhenti merokok tak memberangsangkan. Penerimaan tidak popular dan perlukan preskripsi doktor. Kemudian syarikat rokok mengambil peluang kerana lihat ada penerimaan dan keluarkan rokok elektronik. Banyak pengeluar rokok elektronik di Amerika adalah syarikat pengeluar rokok. Di negara maju, mereka buat ramalan rokok akan mula hilang populariti dan rokok elektronik jadi pengganti. Ia jadi trend.

**S: Bagaimana pula mereka yang terbabit dalam kesihatan awam memandang trend ini?**

**J:** Pakar kesihatan awam bimbang remaja mereka mudah terpengaruh, tambahan pula rokok elektronik dilengkapi dengan perisa yang boleh menarik mereka. Ia tidak mengeluarkan bau tembakau yang busuk. Kita takut orang yang sebelum ini tidak hisap rokok boleh tertarik dengan rokok elektronik. Pengeluar pula memberikan pandangan bahawa alat ini mahal dan tidak mampu dibeli remaja. Bagaimanapun sekarang ada industri baharu iaitu mengeluarkan rokok elektronik substandard yang murah. Ini yang menimbulkan kekeliruan. Kemalangan berkaitan rokok elektronik yang kita dengar puncanya adalah alat yang substandard. Jadi alat ini perlu dikawal. Bercakap soal kesan, sebenarnya kita tidak tahu dalam jangka masa panjang walaupun ada mendakwa alat ini selamat. Biasanya kesan timbul seperti kerosakan tisu dalam tempoh 10 hingga 20 tahun, sama seperti rokok. Rokok elektronik fenomena baharu, kesan terbentuk penyakit belum lagi timbul. Ini juga yang dirisaukan pa-



kar kesihatan awam.

**S: Dua minggu lalu, dalam keributan mengenai persoalan berkenaan rokok elektronik, Kabinet mengambil keputusan untuk tidak mengharamkan alat ini. Bagaimana Dr melihat perkara ini?**

**J:** Mungkin mereka melihat alat ini berpotensi dari segi perniagaan, ada permintaan. Namun, sebagai orang yang terbabit dalam bidang kesihatan, kita kena seimbang. Paling ideal, elok diharamkan. Pada masa sama, kita lihat perokok tegar tidak terlintas langsung hendak berhenti merokok. Mereka terus merokok tidak kira di tempat awam atau tidak. Jadi bagi kumpulan ini, lebih baik mereka bertukar kepada rokok elektronik kerana risikonya dia seorang yang tanggung. Rokok elektronik adalah wap yang apabila dihembus dalam masa pantas akan hilang berbanding asap rokok yang berlegar-legar dan meresap ke permukaan yang membentuk *third hand smoke*. Rokok elektronik tiada *second hand smoke*. Risiko kepada orang sekeliling kurang, namun kemungkinan terbentuk *third hand smoke* masih ada. Bagi pengguna rokok elektronik, mereka dakwa vape tidak ada nikotin, tetapi mereka boleh tambah. Itu yang kita risaukan iaitu berlaku manipulasi. Begitu juga dengan kadar nikotin ada yang rendah dan ada yang tinggi.

Dengar cerita ada pula yang letak ganja. Di situ risikonya, bagi saya rokok elektronik jika dikawal boleh menjadi jalan keluar kepada perokok tegar. Beberapa pesakit saya mendakwa berjaya berhenti merokok tetapi gunakan rokok elektronik. Namun, sedikit sangat yang bebas daripada kedua-duanya. Ramai yang hanya bertukar. Saya melihat keputusan Kabinet ada rasionalnya. Kita bimbang apabila haram, maka jadi bermacam-macam; ada yang *underground*, *black market*, lagi susah hendak keluar. Benda ini kalau ada potensi perniagaan orang akan buat macam-macam. Sebaliknya kita kawal. Kementerian Kesihatan juga berhasrat kurangkan perokok kepada 15 peratus menjelang tahun 2020. Sekarang jumlah perokok di negara ini adalah 23 peratus. Kawal bermaksud yang menjual harus mendapat lesen, pastikan apa dijual mengikut stan-

dard, kualiti dijaga. Selain itu, kandungan cecairnya (bahan utama nikotin) dikawal dan ia perlu dipreskripsi. Jika dibuat ikut peraturan, saya yakin ia jadi alternatif membantu penagih rokok. Juga ada had umur boleh menggunakannya.

**S: Jadi untuk rokok elektronik benar-benar berkesan sebagai alat berhenti merokok masih dipertikaikan?**

**J:** Ketagihan sebenarnya adalah ketagihan nikotin. Kebarangkalian untuk seseorang berhenti menghisap apa-apa tidak banyak berbanding kaedah yang terbukti berkesan, iaitu ubat dan *Nicotine Replacement Therapy*. Untuk menghilangkan ketagihan nikotin, individu akan ambil pil, tetapi kesannya seronok separuh daripada perokok. Ini yang menjadi isu besar. Nikotin sudah digunakan beribu tahun lalu. Pada suatu masa ia digunakan sebagai ubat, tetapi apabila dikomersialkan ia ada unsur ketagihan, maka ada pihak yang melihat peluang perniagaan maka dicipta rokok. Kini ada 1.25 bilion perokok dan ia satu industri besar. Timbul isu kenapa tidak haramkan saja rokok. Masalahnya kita sudah terlanjur, sudah tidak boleh berpatah balik. Rokok menjadi isu sensitif kerana ia membabitkan semua golongan, yang munasabah adalah kawalan undang-undang. Pada pandangan saya, Kementerian Kesihatan fikirkan yang ideal dan supaya tidak terlambat seperti apa yang sudah terjadi pada rokok. Pada masa sama kita perlu terima realiti ketagihan nikotin bukan mudah untuk diatasi. Justeru, Pertubuhan Kesihatan Sedunia menerima kaedah *harm reduction*.

Rumusan saya, *Electronic Nicotine Delivery Device* (ENDD) adalah jalan keluar. Bagaimanapun, ada dua pandangan berhubung perkara ini. Singapura dan Australia misalnya tidak menyokong manakala England pula sudah menerima ENDD. Persoalannya juga, kenapa tidak gunakan ubat yang ada (untuk berhenti merokok). Namun bagi sesetengah ubat, perokok perlu berjumpa doktor. Ramai tidak suka kaedah ini kerana tidak suka pergi klinik. Kalau ENDD, boleh beli di mana-mana. Kebanyakan perokok suka ambil jalan mudah dan nafikan mereka ketagih.

**S: Walaupun Majlis Fatwa Kebangsaan belum mengeluarkan kata putus penggunaan rokok elektronik, Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri sudah menfatwakannya haram. Bagaimana Dr melihat perkara ini?**

**J:** Tidak ada masalah jika Mufti Wilayah Persekutuan mengharamkan alat ini kerana beliau menyamakannya dengan rokok konvensional dan ia memudaratkan. Namun, seperti arak yang diharamkan, ada yang tetap mengambilnya. Fatwa sebagai panduan supaya mereka yang menggunakannya faham ia salah dari segi agama. Tetapi selagi ia tidak diwartakan, pihak berkuasa agama tidak akan mengambil tindakan. Ia terpulang kepada diri sendiri. Fatwa bertujuan supaya tuan punya badan menghormati hukum. Macam solat, hukumnya wajib, tetapi perlukah ia diwartakan.



**Ikuti BH Plus**

di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video



Pelbagai perisa vape tarik minat remaja mencubanya.